

Presiden Berjasa nak letak jawatan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Presiden Berjasa, Datuk Haji Mohamed Nasir, ingin meletakkan jawatan presiden parti itu bagi membuka peluang pada pemimpin muda.

Beliau menyebut beberapa nama penggantinya. Antaranya, Setiausaha Politiknya, Encik Mustapha Ahmad.

Presiden Berjasa menegaskan demikian selepas merasmikan Simposium Kepimpinan Rumahtangga dan Kekeluargaan anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Ragaimanapun, beliau tidak menyatakan tarikh perletakan jawatan itu. Adalah dipercayai jawatan presiden itu akan dikosongkannya selepas Muktamar Agung Ketiga Berjasa, tidak lama lagi.

Datuk Haji Mohamed Nasir yang juga Menteri Tak Bertepollo di Jabatan Perdana Menteri, berkata: "Berjasa kini mempunyai barisan kader yang mampu dan kuat memimpin Berjasa.

"Tentu ramai orang muda yang

boleh menggantikan saya. Dan tidak ada sebab mengapa peluang ini tidak boleh diberikan kepada mereka."

Hasrat meletakkan jawatan itu, jelasnya, dibuat atas kehendaknya sendiri tanpa desakan parti.

Mengenai pilihanraya, Datuk Haji Mohamed Nasir berkata, Berjasa telahpun bersiap-sedia dengan tokoh-tokoh yang boleh berkempen. "Setakat ini, dilihat secara lahirnya, insyaAllah Berjasa boleh mencapai kemenangan cemerlang."

Mengenai soal kerusi tambahan Parlimen, Datuk Haji Mohamed Nasir, berkata: "Soal ini sebenarnya, tidak timbul. Saya tidak mahu Berjasa dilihat sebagai parti yang mahukan kerusi-kerusi sahaja."

Beliau enggan mengulas rancangan Berjasa bertanding di luar Kelantan.

Berjasa, setakat ini, tidak mempunyai seorangpun wakil Parlimen. Ia cuma menganggotai 11 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan yang dimenangi dalam pilihanraya umum 1978.